

Date and Time: Tuesday, 3 June 2025 12:58□pm +08

Job Number: 254334300

Document (1)

1. [Pendakwa Raya lwn Lo Kok Soon \[2023\] MLJU 1176](#)

Client/Matter: -None-

Search Terms: lo kok soon

Search Type: Natural Language

Narrowed by:

Content Type
MY Cases

Narrowed by
-None-

PENDAKWA RAYA v LO KOK SOON

CaseAnalysis

[2023] MLJU 1176

Pendakwa Raya lwn Lo Kok Soon [2023] MLJU 1176

Malayan Law Journal Unreported

MAHKAMAH MAJISTRET (TAIPING)

ADIBAH ABDUL KADIR M

KES JENAYAH NO AB-83-251-06 TAHUN 2020

5 June 2023

*Nur Aqilah Syaza bt Arifin Timbalan Pendakwa Raya) bagi pihak pendakwaan.
Low Huey Theng (HT Low) bagi pihak OKT.*

Adibah Abdul Kadir M:

PENGHAKIMAN

(Di akhir kes Pembelaan)

[1] Dalam kes ini, tertuduh **Lo Kok Soon** (No. Kad Pengenalan: 910704-08-5739) telah dituduh melakukan kesalahan di bawah **s. 186 Kanun Keseksaan**. Iaitu menghalang Lans Koperel Ramazan bin Ahmad menjalankan fungsi awam beliau. Pertuduhan adalah seperti berikut:-

Pertuduhan:

“Bahawa kamu, pada 31.5.2020, jam lebih kurang 1220hrs bertempat di Jalan Panggung Wayang telah dengan sukarela menghalang penjawat awam iaitu L/Kpl Muhammad Ramazan bin Ahmad, No. Polis R180165 dalam menjalankan fungsi awamnya dan bahawa kamu adalah dengan ini melakukan kesalahan yang boleh dihukum di bawah **s. 186 Kanun Keseksaan**.”

Hukuman s. 186 Kanun Keseksaan: Menggalang Penjawat Awam dalam menjalankan fungsi jawatannya.

Barang siapa dengan sengaja menggalang mana-mana penjawat awam dalam menjalankan fungsi jawatannya, hendaklah dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh yang boleh sampai dua tahun, atau dengan denda yang boleh sampai sepuluh ribu ringgit atau dengan kedua-duanya.

[2] Pertuduhan tersebut telah dibacakan dan diterangkan kepada tertuduh. Tertuduh akui faham pertuduhan, tertuduh tidak mengaku salah terhadap pertuduhan dan minta dibicarakan.

[3] Pendakwaan telah memanggil seramai 3 orang saksi bagi menyokong kes pendakwaan. Saksi-saksi pendakwaan adalah:-

- Lans Koperel Muhammad Ramazan bin Ahmad (**SP1**), anggota bertugas MPV, IPD Taiping;
- Lans Koperel Muhammad Fadhiluddin bin Abdul Kadir (**SP2**), anggota bertugas MPV, IPD Taiping; dan
- Inspektor Jagathiswaran A/L Kanniappan (**SP3**), Pegawai Penyiasat

[4] Kes Pendakwaan adalah:

- a. Pada pada 31.5.2020, ketika negara di dalam fasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), SP1 dan SP2 iaitu anggota bertugas MPV Bersama- sama 2 orang anggota Angkatan Tentera Malaysia (selepas ini dirujuk sebagai "ATM") telah menjalankan rondaan di Zon Taiping. Mereka berpakaian seragam operasi Polis dan Tentera. Rondaan tersebut dilakukan dengan menaiki kenderaan Polis.
- b. Apabila mereka sampai di Jalan Panggung Wayang berhampiran dengan *casual market*, mereka dapati terdapat banyak kenderaan yang diparkir di bahu jalan tersebut yang mana telah menghalang lalu lintas. Oleh yang demikian, mereka telah mengarahkan kenderaan-kenderaan yang parkir di bahu jalan tersebut untuk mengalihkan kenderaan mereka.
- c. Akan tetapi, mereka dapati terdapat sebuah motokar jenis Proton Saga yang berwarna hijau yang parkir bahu jalan yang dipandu oleh tertuduh **tidak mengendahkan arahan mereka untuk mengalihkan kenderaan.**
- a. SP1 telah turun dari kenderaan pasukan dan pergi ke cermin sisi sebelah pemandu untuk minta kad pengenalan dan lesen memandu tertuduh. **Namun demikian, SP1 tidak mendapat kerjasama daripada tertuduh. Apabila SP1 cuba lagi untuk minta kad pengenalan dan arahkan untuk turunkan cermin sisi, tertuduh tidak berpuas hati dan dengan suara yang tinggi telah menjerit-jerit kepada SP1.**
- b. **Tertuduh telah meninggikan suara dan mengeluarkan kata-kata lucah iaitu "Lancau, apa pasai you mau mintak saya punya IC, saya tidak ada bikin salah, saya tak mahu kasi you lesen dan ic saya".**
- c. SP1 kemudiannya maklumkan situasi tersebut Lans Koperal Muhammad Fadhiluddin bin Abdul Kadir (SP2) yang bertugas sebagai pemandu kenderaan pasukan. SP2 bersama-sama dua anggota ATM telah pergi ke kenderaan tertuduh.
- d. **SP2 sekali lagi meminta kad pengenalan dan lesen memandu tertuduh, namun tertuduh masih lagi tidak memberikan kerjasama.** Pada ketika itu, tertuduh telah **mengeluarkan telefon bimbit dan merakam keadaan serta melakukan provokasi.**
- e. Pada ketika itu SP2 cuba untuk buka pintu sebelah pemandu, namun pintu tersebut berkunci. Pintu belakang juga cuba dibuka oleh kedua-dua anggota tentera, juga berkunci.
- f. **SP2 kemudian membuka pintu tersebut dan mengarahkan tertuduh untuk keluar namun tertuduh masih berdegil dan berlaku pergelutan diantara tertuduh dengan SP2 semasa SP2 ingin minta tertuduh keluar.**
- g. Seterusnya, apabila tertuduh berjaya di bawa keluar dari kenderaan, sekali lagi SP1 meminta dokumen kad pengenalan dan lesen, namun dengan suara yang tinggi tertuduh bertanya kepada SP1, **"You mau buat apa?"**
- h. SP1 telah periksa poket kiri dan kanan tertuduh dan telah jumpa kad pengenalan dan lesen dalam poket kanan seluar tertuduh. SP1 telah buat tangkapan dan kemudiannya bawa balik tertuduh ke IPD Taiping.
- i. Pegawai Penyiasat (SP3) telah menyiasat kejadian dimana semasa kejadian semasa kejadian tertuduh telah dikeluarkan kata-kata kesat dan tidak berikan kad pengenalan dan lesen semasa mereka minta dan berlaku provokasi.

[5] Setelah membaca dan meneliti pertuduhan, melihat saksi-saksi yang memberi keterangan di hadapan saya dan meneliti eksibit-eksibit yang dikemukakan serta membaca hujahan-hujahan bertulis dan otoriti-otoriti yang difailkan oleh TPR yang bijaksana dan Peguambela yang bijaksana bagi tertuduh, dan setelah mendapatkan klarifikasi dari kedua-dua pihak, dan di atas penilaian keterangan secara keseluruhan Mahkamah ini berpendapat tidak terdapat ruang material (*material gaps*) dalam kes pendakwaan sehingga melemahkan kes pendakwaan. Seterusnya, Mahkamah mendapati bahawa pendakwaan berjaya membuktikan satu kes *prima facie* terhadap tertuduh seperti pertuduhan. Oleh itu, Mahkamah perintahkan tertuduh untuk membela diri.

[6] Adalah menjadi beban tugas pendakwaan untuk membuktikan elemen-elemen di bawah **s. 186 Kanun Keseksaan** melampaui keraguan yang munasabah iaitu :-

- a. *That the accused obstructed a person*
- b. *That he did so voluntarily*

- c. *That the person obstructed was a public servant*
- d. *That the public servant was obstructed in the discharge of his public duty or function*

(Rujuk kes *Tan Teck Yam v PP* [\(1968\) 1 MLJ 57](#))

[7] Di peringkat kes pembelaan, tertuduh telah memilih untuk memberi keterangan secara bersumpah di kandang saksi dan telah memanggil seramai 3 orang saksi termasuk tertuduh, iaitu:-

- a. **Lo Kok Soon** (Tertuduh) - SD1
- b. Ong Geop Bee (Ibu tertuduh) - SD2
- c. Loo Lai Kwan (Jurubahasa) - SD3

[8] Kes pembelaan, secara ringkasnya seperti berikut:-

- a. Sebelum kejadian, pada jam lebih kurang 12 tengah hari, tertuduh telah tiba di Jalan Panggung Wayang dan memakir kereta beliau di hadapan Medan Selera untuk menurunkan ibu beliau.
- b. Selepas lebih kurang 5 minit, sebuah kereta polis telah berhenti di hadapan kereta tertuduh dimana 2 orang anggota polis dan 2 orang askar telah menghampiri kereta tertuduh. Beliau telah diarahkan oleh oleh seorang anggota polis untuk tidak memakir kenderaan beliau di Kawasan tersebut.
- c. Tertuduh memberikan alasan bahawa beliau tidak dapat mengalihkan kenderaan tersebut kerana ingin menunggu ibu beliau yang telah tuad dan tempat parkir adalah jauh.
- d. Namun demikian, alasan atau jawpan yang diberikan oleh tertuduh tidak diterima. 1 orang askar telah memarahi beliau dengan mengatakan beliau “bodoh” dan menjerit “**orang cina bodoh**” dengan kuat.
- e. Tertuduh tersinggung dengan kata-kata askar tersebut dan meminta askar tersebut untuk bercakap elok-elok. Tertuduh akui tidak dapat berikan kad pengenalan kepada pihak polis kerana beliau berhak untuk bertanya kepada pihak polis untuk faham kesalahan yang di buat.
- f. Tertuduh telah diarahkan untuk keluar dari kenderaan beliau tetapi tertuduh tidak boleh keluar kerana pintu kerta di bahagian pemandu dan tempat duduk belakang telah rosak. Oleh yang demikian, tertuduh telah keluar dari pintu penumpang di bahagian hadapan.
- g. Tertuduh telah berkali-kali memberitahu bahawa beliau sedang menunggu ibu beliau dan akan beredasr secepat mungkin. Oleh kerana beliau telah dimarahi, beliau kemudiannya telah serahkan kad pengenalan kepada pihak polis untuk pemeriksaan.
- h. Selepas itu, tertuduh telah mula merakamkan video kejadian tersebut dan setelah itu tertuduh telah ditahan.

[9] Kejadian ini berlaku pada 31.5.2020 ketika negara ini dalam fasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Tujuan perintah kawalan Pergerakan dilaksanakan adalah untuk memantau menularan wabak koronavirus (Covid-19). Bagi memastikan pematuhan perintah ini, pihak Polis Di Raja Malaysia (PDRM) dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) adalah antara agensi yang bertanggung jawab untuk melaksanakan perintah ini. Sekiranya rakyat Malaysia ingkar dan tidak mematuhi arahan tersebut, mereka akan terdedah dengan risiko pembawa wabak atau dijangkiti dengan wabak tersebut.

[10] Pada tarikh tersebut jam lebih kurang 12.20 tengah hari, SP1 dan SP2 telah keluar Bersama-sama 2 orang anggota ATM iaitu KPL 1163754 dan KPL 1159549 telah keluar tugas ronda MPV Ops Covid-19 di zon Taiping. Apabila tiba di Jalan Panggung Wayang, mereka telah dapati terdapat banyak kenderaan yang diparkir di bahu jalan tersebut yang mana telah menghalang lalu lintas, termasuk kenderaan tertuduh yang diparkir di bahu jalan untuk menunggu ibu beliau yang keluar mengambil pesanan makanan yang dipesan melalui aplikasi *Food Panda*.

[11] [S.21 \(1\)\(b\) Akta Polis 1967](#) memperuntukkan bahawa pihak Polis mempunyai kuasa di jalan awam seperti berikut:-

“menjaga ketenteraman di jalan awam, Lorong, jalan tembus dan tempat mendarat dan tempat kunjungan awam yang lain dan tempat dimana orang awam ada akses”

[12] SP1, SP2 serta 2 orang anggota ATM telah meminta tertuduh untuk mengalihkan kenderaan tetapi tertuduh memohon untruk menunggu sebentar sementara menanti ibu beliau mengambil makan yang dipesan. Dalam keadaan ini, versi pendakwaan adalah tertuduh tidak mengendahkan arahan mereka dan tertuduh tidak memberikan kerjasama untuk mengalihkan kenderaan. Tertuduh dalam keterangan beliau menyatakan bahawa askar telah terlebih dahulu membuat provokasi.

[13] Pendek kata, situasi ini menjadi tegang akibat dari keengganan tertuduh mengalihkan kenderaan beliau apabila diarahkan oleh pihak polis dan menimbulkan alegasi bahawa tertuduh tidak serahkan kad pengenalan apabila diminta oleh polis, tertuduh tidak serahkan lesen memandu apabila diminta oleh pihak polis dan membuat provokasi iaitu meninggikan suara dan mencarut, mengeluarkan kata-kata lucah, tidak keluar dari kereta apabila diminta oleh polis dan merakam video kejadian. Sebenarnya, sekiranya tertuduh patuh kepada arahan pihak Polis untuk mengalihkan kenderaan beliau apabila diarahkan, kejadian ini tidak akan berlaku. Fakta ini diakui oleh tertuduh sendiri bahawa beliau tidak mengalihkan kenderaan kerana ini menunggu ibu beliau yang pergi mengambil makanan. Lain-lain alegasi adalah dinafikan oleh tertuduh.

[14] Mahkamah ini berpuas hati bahawa tertuduh telah mematuhi arahan pihak polis untuk memberikan kad pengenalan beliau, pihak pendakwaan telah gagal membuktikan melampaui keraguan yang munasabah bahawa tertuduh tidak menyerahkan lesen apabila diminta oleh polis, membuat provokasi iaitu meninggikan suara dan mencarut, mengeluarkan kata-kata lucah dan tidak keluar dari kenderaan apabila diminta.

[15] Sebenarnya, pertuduhan juga tidak menyatakan dengan jelas bagaimanakah tertuduh dengan sukarela menghalang SP1 menjalankan fungsi awamnya.

[16] Mahkamah ini berpuas hati bahawa kes ini bukanlah satu keadaan dimana pembelaan tertuduh adalah *bare denial* atau *afterthought*. Dalam keadaan tersebut, Mahkamah berpendapat bahawa tertuduh tidak boleh dikaitkan dengan pertuduhan. Oleh yang demikian, Mahkamah ini berpuas hati bahawa pembelaan telah menimbulkan keraguan yang munasabah di atas keseluruhan kes. Seterusnya, keraguan tersebut harus memihak kepada tertuduh. (Rujuk kes *Nadarajah v PP* ([1969](#)) [1 MLJ 108](#)).

[17] Diatas alasan-alasan tersebut, tertuduh dilepas dan dibebaskan. Ekshibit- ekshibit dokumen untuk disimpan di Mahkamah sehingga tempoh rayuan tamat sekiranya diteruskan oleh pihak pendakwaan. Wang jaminan sebagai sekuriti dikembalikan kepada penjamin.